

BLACK METAL: UNSUR-UNSUR YANG BERCANGGAH DENGAN ISLAM

Oleh:
Haji Abdullah Abdul Rahman
Cawangan Aqidah
Bahagian Penyelidikan
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Abstrak

Isu mengenai Kumpulan "The Black Metal" hangat diperkatakan apabila pendedahan dibuat oleh sebuah majalah tempatan mengenai aktiviti songsang kumpulan ini. Ia mendapat perhatian beberapa ahli Dewan Rakyat yang meminta JAKIM memberi tumpuan serius terhadapnya. Kumpulan ini sebenarnya sudah lama wujud di negara ini, cuma akhir-akhir ini ianya menjadi agak melampaui batas dan nilai-nilai hidup masyarakat setempat yang akhirnya sanggup melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan aqidah serta nilai sejagat. Keseluruhan aktiviti kumpulan ini lebih kepada anti ketuhanan seperti memijak dan mengoyak al-Quran, menjalani tindak tanduk serta gaya hidup yang tidak bersandarkan kepada norma kehidupan yang berteraskan Islam. Berdasarkan laporan dan penelitian, penulis telah mengkategorikan kesalahan kumpulan ini kepada 3 kategori iaitu dari segi aqidah, syariah dan akhlak. Berdasarkan kajian juga ternyata kegiatan aktiviti kumpulan ini merupakan sesuatu yang terancang terutama untuk tujuan memesongkan aqidah serta i'tiqad seseorang terutamanya golongan remaja Islam melalui hiburan muzik melampau yang menyelitkan di dalam lagu mereka, senikata-senikata yang berunsurkan pemujaan kepada syaitan (alam ghaib). Mesej yang diserapkan oleh mereka ialah anti-ketuhanan dengan menolak sama sekali kewujudan Tuhan, yang juga mengamalkan seks rambang dan melakukan keganasan. Sekaligus boleh mengakibatkan berlakunya murtad.

PENDAHULUAN

Kumpulan *Black Metal* adalah satu kumpulan muzik yang berkonsepkan

heavy metal dan berasal daripada negara barat. Aliran muzik yang dimainkan biasanya berunsurkan lagu-lagu dan lirik yang liar, ganas, mengagungkan syaitan serta perkara-perkara yang menyentuh tentang ketuhanan dan alam ghaib selaras dengan budaya *hippies* di mana lagu-lagu *rock* menjadi muzik tema kegemaran mereka. Lirik-lirik lagu yang dimainkan menggambarkan kecenderungan terhadap penagihan dadah, arak mahupun seks bebas.

Sejarah kemunculan kumpulan ini di dalam hiburan kontemporari di Malaysia bermula sejak tahun 1970-an melalui satu kumpulan muzik yang membawa irama *rock* dalam kumpulan muzik mereka. Seterusnya di era 80-an pula muzik *rock* mula mendapat tempat secara meluas begitu juga dengan *Genre Heavy Metal*.

LATARBELAKANG

Dilihat kepada senario perkembangan muzik dunia difahamkan istilah *Black Metal* mula diperkenalkan kepada dunia muzik *Metal* khususnya dan alam hiburan kontemporari umumnya sebagai tajuk kepada album kedua yang dihasilkan oleh satu kumpulan atau *band muzik metal* bernama *Venom* pada tahun 1982 (Moynihan,1998:12). Di samping *Venom*, muzik *Black Metal* juga turut dikembangkan lagi oleh beberapa kumpulan lain seperti *Bathory* (1985) dan *Hellhammer /Celtic Frost* (1984) Ibid).

Menurut Shahril Rizal (2001: 40), kemasukan irama muzik berat ke dalam kalangan pemuzik kelahiran Malaysia bermula sejak tahun 1970-an apabila kumpulan *Sweet Charity* membawa irama *rock*. Seterusnya di era 80-an pula muzik *rock* mula mendapat tempat secara meluas, begitu juga dengan genre *heavy metal*.

Kumpulan pertama di Malaysia yang mempelopori penglibatan anak tempatan ke dalam irama *Black Metal* ialah kumpulan *Blackfire* (Shahril, 2001:40).

Lirik kumpulan *Black Metal* di Malaysia pula lebih tertumpu kepada masalah **mistik, tahyul, alam perubatan tradisional, hikayat lama, sikap hipokrit masyarakat dan seumpamanya** (Ibid : 41).

Masyarakat Islam di Malaysia mula mengenal istilah *Black Metal* secara besar-besaran hasil daripada serangan bertubi-tubi media massa tertentu bermula dari awal Julai sehinggalah awal September 2001. Fenomena *Black Metal* ini mula menjadi isu nasional apabila mesyuarat kabinet pada 22 Julai 2001 telah mengarahkan Ketua Polis Negara mengambil tindakan segera bagi menangani masalah sosial ini (Abdul Rahim,2001:1).

DEFINISI

Definisi Black dan Metal

Berasal dari perkataan Inggeris yang bermakna hitam dan logam. **Harris M. Berger** dari Universiti Indiana menakrifkan **muzik metal** sebagai muzik yang menggunakan kualiti ton (timbre) gitar yang diubah, mempamerkan kepandaian pemainnya secara individu dan bentuk lagu yang kompleks, (Berger,199:312).

Prozak pula mengertikan **Muzik Metal** sebagai 'muzik yang muncul daripada gabungan *jazz* dan *rock* dengan pengaruh-pengaruh daripada teori muzik klasik sehingga terhasil muzik yang berkembang beransur-ansur kepada beberapa gaya pasca-modernisme yang kompleks dengan lirik yang menekankan pandangan yang *eksistentialis* tetapi *nihilis* terhadap realiti, tamadun dan keterbatasan fikiran manusia'. (Prozak, di laman web *American Nihilist Underground Society & the Hessian Studies Center* dengan url: <http://www.anus.com/hsc/hcl/mfaq.html>, diakses pada 30 Ogos 2002).

Muzik Metal dipercayai mula dipelopori oleh kumpulan **Black Sabbath** melalui album pertama mereka yang diterbitkan pada tahun 1970 (Berger,1999:57).

Metal mempunyai pelbagai genre atau jenis aliran muzik di dalamnya, antara genre yang paling utama ialah *Proto Metal*, *Heavy Metal*, *Doom Metal*, *Power Metal*, *Speed Metal*, *Thrash Metal*, *Death Metal*, *Progressive Metal* dan **Black Metal**, (Prozak).

Perkataan **Metal** yang bermakna logam itu sendiri mengingatkan kita kepada dominasi elemen-elemen 'keras' di dalam muzik metal itu yang lebih keras dari batu (*rock*).

Istilah **Black** yang digunakan dalam ungkapan ini difahamkan berasal dari asas ajaran *Satanism* di mana setiap dogma atau amalan yang diajarkan dalam doktrin *Satanism* mestilah berbeza seratus peratus dengan doktrin yang hampir serupa dalam agama Kristian dan lain-lain fahaman di dunia. Oleh itu *Mass* di dalam gereja Katolik Rom disongsangkan perlaksanaannya sebagai *Black Mass* di dalam ajaran *Satanism*, *Pope* menjadi *Black Pope* dan Muzik Metalnya dipanggil sebagai **Black Metal**.

PERKARA-PERKARA YANG BERTENTANGAN DENGAN ISLAM

Kajian JAKIM mendapati irama dan lirik yang menjadi tema kepada kumpulan ini berkisar dalam perkara-perkara yang mengasyikkan

dan mengghairahkan, mistik, tahyul dan khurafat, alam perubatan tradisional dan hikayat lama. Sebagai contoh terdapat ribuan lagu dari kumpulan *Black Metal* yang berunsur negatif adalah seperti lagu "*No escape from your fate*" di mana lirik lagu-lagunya begitu mengghairahkan serta menyeru ke arah seks sadistik. Sebahagian lirik lagu ini adalah seperti berikut :

*Tied tight to the bed
Legs spread open
Bruised flesh, lacerations
Skin stained eith blood
I'm the only you love
Feel your heart beating
My knife deep inside
Her croth is bleeding
My favourite part
She likes the way if felt inside her
Fucking her, harder, harder*

Maksudnya adalah:

*Terikat sepi di ranjang
Kaki yang terkangkang luas
Daging yang berkedut-kedut
Yang terdapat kesan darah
Akulah yang kau cinta cuma
Aku rasakan degupan jantungmu
'Pisauku' jauh di dalam
Barangnya berdarah
Bahagian kegemaranku
Dia suka akan rasanya
Tusuk dia, kuat dan kuat*

Gaya hidup kumpulan ini lebih bersifat inginkan kebebasan, lebih gemarkan muzik dan hiburan, suka melanggar adab dan budaya timur serta bersikap kurang berbudi bahasa dan tidak langsung memperlihatkan sikap tertib dan sopan, ringkasnya perlakuan yang mereka jalankan tidak berasaskan tata-nilai kehidupan dan budaya masyarakat yang harmoni, malahan amat bertentangan sama sekali dengan nilai budaya Islam.

Kumpulan *Black Metal* menjalankan aktiviti-aktiviti yang

melanggar ajaran agama Islam dari aspek Aqidah, Syariah dan Akhlak.

1. Dari segi aqidah

- i. Memijak al-Quran
- ii. Memuja iblis dan syaitan
- iii. Beramal dengan fahaman tiada agama (Free Thinker)
- iv. Anti ketuhanan
- v. Mengaku telah murtad

Ulasan;

Memuja syaitan serta makhluk lain selain Allah adalah dilarang dalam Islam, ianya merupakan perbuatan keji yang sepatutnya dielakkan, Firman Allah;

الشَّيْطَانُ يَعِدُكُمُ الْفَقْرَ وَيَأْمُرُكُم بِالْفَحْشَاءِ وَاللَّهُ يَعِدُكُم مَّغْفِرَةً مِّنْهُ وَفَضْلًا
وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya;

“Syaitan itu menjanjikan (menakutkan-nakutkan) kamu dengan kemiskinan dan kepapaan (jika kamu bersedekah atau menderma) dan ia menyuruh kamu melakukan perbuatan yang keji (bersifat bakhil kedekut) sedang Allah menjanjikan kamu (dengan) keampunan daripadaNya serta kelebihan kurniaNya. Dan (ingatlah), Allah Maha Luas limpah rahmatNya, lagi sentiasa Meliputi PengetahuanNya.”

(Surah al-Baqarah : 268)

Firman Allah;

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ
وَيَصُدَّكُمْ عَنِ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ

Maksudnya;

“Sesungguhnya Syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu mahukah kamu berhenti(daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil) ?”

(Surah al-Maidah : 91)

2. Dari segi syariah

- i. Membakar al-Quran dan menghina al-Quran
- ii. Mendakwa diri sebagai pengikut syaitan
- iii. Melakukan upacara meditasi dan pesta puja api
- iv. Meminum arak
- v. Mengamalkan seks bebas
- vi. Mengalakkan amalan bunuh diri
- vii. Mengalakkan pembunuhan

Ulasan;

Islam tidak membenarkan meminum arak kerana ianya memabukkan dan punca segala maksiat. Begitu juga dengan minuman-minuman yang diharamkan seperti meminum darah kambing atau seumpamanya.

Firman Allah;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya;

“Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah semata-mata kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.”

(Surah al-Maidah: 90)

3. Dari segi akhlak

- i. Suka kepada muzik berbentuk *heavy metal*, ganas dan liar di samping mengagungkan syaitan dan memuja roh
- ii. Minum darah binatang yang dibunuh dengan kejam sebagai simbolik anti ketuhanan dan semua agama
- iii. Berpakaian tidak senonoh serta aksesori seperti rantai salib terbalik dan pentagram,
- iv. Membuat parut di bawah dagu yang ditoreh dengan duit syiling
- v. Suka berfoya-foya seolah-olah tiada pegangan agama dan bercampur-gaul antara lelaki dengan perempuan serta melakukan seks bebas
- vi. Menghisap dadah

Ulasan;

Islam juga melarang sama sekali umatnya bergaul bebas antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim kerana ianya boleh membawa kepada fitnah dan menghampiri zina.

Firman Allah;

وَلَا تَقْرُبُوا الزَّوْجَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Maksudnya;

“Dan janganlah KAMU menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).”

(Surah al-Israa': 32)

Firman Allah;

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

Maksudnya;

“...Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke-dalam bahaya kebinasaan...”.

(Surah al-Baqarah: 195)

PENDEKATAN YANG DIAMBIL

Bagi membendung isu ini beberapa langkah telah diambil antaranya:

- i. Melalui pendekatan aqidah iaitu dengan menggunakan nilai-nilai serta kemurnian Islam itu sendiri untuk mendekati kumpulan ini. Menjelaskan bahawa aktiviti yang dilakukan oleh mereka sebenarnya bercanggah dengan Islam serta boleh merosakkan pegangan aqidah seseorang.
- ii. Bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Bahagian Keselamatan Negara (BKN) dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan pihak berkuasa agama negeri bagi membendung gejala ini.
- iii. Bertindak memberi penjelasan mengenai bahaya gejala berkenaan kepada orang awam melalui saluran media cetak dan elektronik termasuk juga khutbah-khutbah Jumaat.
- iv. Menyekat lebih awal kemaraan kumpulan ini dengan mengambil langkah drastik untuk mengharamkannya.

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA KEBANGSAAN MALAYSIA

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia kali ke 72 pada 23 Januari 2006 telah bersetuju memutuskan bahawa:

“Amalan dan perbuatan Kumpulan *Black Metal* adalah sesat dan bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar. Oleh itu, umat Islam diminta menjauhi kumpulan tersebut kerana perbuatan dan amalan mereka boleh menyebabkan seseorang itu terkeluar daripada Islam”.

KESIMPULAN

Berdasarkan fakta yang dikemukakan di atas, ternyata aktiviti kumpulan *Black Metal* merupakan satu kegiatan yang terancang. Ia semata-mata untuk memesonkan i'tiqad seseorang terutamanya golongan remaja Islam melalui hiburan muzik yang terangkum di dalamnya senikata memuja syaitan (alam ghaib), melalui naluri nafsu diri, iaitu keseronokan hiburan muzik yang melampau. Aktiviti mereka boleh memesonkan aqidah seseorang serta menyebabkan berlakunya murtad (riddah) kerana mesej utama yang diserapkan ialah anti ketuhanan atau agama ataupun menolak sama sekali kewujudan Tuhan.

Walaupun ada pendapat yang mengatakan *Black Metal* sebagai kumpulan muzik semata-mata tetapi mereka yang terlibat dan terikut-ikut dengan muzik berkenaan telah terjebak kepada pengaruh yang lebih buruk lagi. Oleh itu kumpulan *Black Metal* wajar diharamkan di Malaysia berdasarkan kepada kaedah Fiqah *Saddu Zara'i* (menutup keburukan).

Kumpulan yang membawa pengaruh negatif seperti Kumpulan *Black Metal* ini boleh dibanteras melalui kerjasama semua pihak dan kesedaran yang tinggi di kalangan ibu bapa dan masyarakat sendiri. Di samping penguatkuasaan yang tegas oleh semua agensi-agensi kerajaan mengikut bidangkuasa masing-masing.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Jaafar, Superitenden. *Fenomena Black Metal Dari Perspektif Keselamatan*. Kertas Kerja di Wacana Sehari 'Remaja & Black Metal'. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM
- Abdullah Abd Rahman, Haji. (t.t) *Mengenai Kumpulan "The Black Metal"*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Bahagian Penguatkuasaan. (t.t). *Laporan Pengaruh Black Metal*. Jabatan Agama Islam Pulau Pinang.
- Berger, Harris M. (1999). *Metal, Rock And Jazz: Perception And The Phenomenology Of Musical Experience*. Hanover: Wesleyan University Press.
- Kamaruddin Kassim. (t.t). *Laporan Awal Kumpulan Black Metal Untuk Pegawai Agama Daerah Kuala Muda*.
- Moynihan, Michael & Sodirlind, Didrik. (1998). *Lord Of Chaos : The Bloody Rise Of The Satanic Metal Underground*. Los Angeles : Feral House.
- Prozak, Spinoza Ray. (1999). *News Group FAQ's : alt.music.black-metal. Music, Culture and Philosophy FAQ di laman web Amerikan Nihilist Underground Soceity* di Url : <http://www.anus.com/hsc/hcl/mfac.html> diakses pada 30 Ogos 2002.
- Shahril Rizal. *Apabila Syaitan Dipuja*. Dalam Dewan Budaya, Disember 2001. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

